

16/07/2001

Kementerian rangka syor pinda AUKU

Azmi Md Deros

GOPENG, Ahad - Kementerian Pendidikan sedang merangka kertas cadangan berhubung pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 bagi memastikan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) memberi tumpuan kepada pelajaran dan bukan kegiatan luar yang merosakkan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin, berkata pihaknya akan mempercepatkan penyediaan kertas cadangan itu jika mendapati pindaan berkenaan perlu disegerakan.

"Kertas cadangan itu yang akan dikemukakan kepada Kabinet turut mengambil kira kesan pindaan serta cadangan daripada pelbagai pihak.

"Jika keperluannya mendesak, pindaan itu akan menjadi kenyataan tahun depan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pertandingan pidato dan bahas anjuran Umno bahagian Gopeng, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilaporkan berkata kerajaan akan mengkaji AUKU sama ada peraturan tertentu perlu dipinda bagi memastikan pelajar menumpukan perhatian kepada pelajaran ketika di universiti dan bukan menjadikannya sebagai pusat kegiatan luar.

Abdul Aziz menegaskan semua pindaan terhadap undang-undang yang dibuat kerajaan adalah untuk kebaikan negara ini dan generasi akan datang.

"Pendidikan adalah amat penting dan kerajaan membelanjakan 25 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk pendidikan.

"Jadi, adalah perlu kita memastikan pelaburan yang besar itu dijaga dengan baik dan tidak disalahgunakan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, semua pihak perlu menyokong usaha kerajaan untuk melindungi sistem pendidikan di negara ini, terutama pada peringkat tinggi agar ia benar-benar melahirkan generasi yang bertanggungjawab dalam membangunkan negara.

Katanya, sebagai pelajar, mereka sepatutnya mencari ilmu yang mampu membawa ke arah kecemerlangan dan bukannya terbabit dalam aktiviti yang tidak berkaitan dengan pengajian mereka.

Ditanya kemungkinan ada pihak yang mendakwa tindakan itu terburu-buru kerana akta itu sudah dianggap mengongkong pelajar, Abdul Aziz berkata perkara itu memang tidak dapat dielakkan kerana sememangnya ada pihak yang tidak suka kepada peraturan.

"Mereka membantah akta itu kerana lebih gemar mempengaruhi pelajar menentang kerajaan dan menganjurkan perhimpunan haram seperti demonstrasi jalanan," katanya.

Beliau juga berkata, tindak tanduk pelajar sendiri menyebabkan kerajaan merasakan mereka perlu dikawal kerana menyalahgunakan kemudahan yang disediakan kerajaan.

"Sebagai contoh, ramai pelajar universiti mahukan kerajaan menyediakan sudut pidato, tetapi apa yang berlaku di Universiti Malaya adalah kemudahan itu disalahgunakan," katanya.

(END)